

22/04/2000

Pajakan Malaysia Hall mesti 25 tahun lagi

Azizi Othman in London

LONDON, Jumaat - Kerajaan mahu supaya sebarang usaha melanjutkan tempoh pajakan bangunan Malaysia Hall di sini, perlu dibuat untuk tempoh sekurang-kurangnya 25 tahun akan datang.

Ketetapan itu sudah dimaklumkan kepada Kementerian Pendidikan yang diberi mandat melaksanakan rundingan mendapatkan lanjutan itu dengan pemilik asal pajakan Malaysia Hall iaitu Portman Estates.

Sumber memberitahu Berita Harian, berikutan persetujuan dan mandat itu, Kementerian Pendidikan akan menghantar tiga delegasi peringkat tertingginya ke sini untuk memulakan rundingan itu.

Berdasarkan ketetapan kini, sebarang rundingan yang akan dibuat, perlu berdasarkan bahawa kementerian mahukan lanjutan pajakan diberikan untuk tempoh sekurang-kurangnya 25 tahun lagi.

"Bagaimanapun, sudah tentu lebih lama lebih bagus. Tempoh 25 tahun itu ditetapkan untuk memastikan lanjutan pajakan yang diperolehi memadai," katanya di sini hari ini.

Ditanya mengenai anggota delegasi yang dimaksudkan, sumber itu berkata, pertamanya ialah menerusi Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Dr Shukor Abdullah, yang dijadual tiba di sini hari ini.

Dr Shukor dan rombongannya berada di sini dalam perjalanan menghadiri Forum Pendidikan Sedunia di Dakar, Senegal yang akan berlangsung mulai 26 hingga 28 April ini.

Ketika di sini, beliau dan rombongannya akan mengambil kesempatan untuk memulakan usaha rasmi ke arah rundingan mendapatkan lanjutan tempoh pajakan Malaysia Hall.

"Ketika berada sini, delegasi itu juga akan mengadakan pertemuan dengan beberapa individu yang sebelum ini terbabit merintis jalan ke arah membuka perbincangan dengan Portman Estates.

"Satu pasukan perunding khas yang dianggotai wakil pegawai Kementerian Pendidikan di sini atau di Malaysia, profesional dan mungkin dari pihak Suruhanjaya Tinggi Malaysia juga akan ditubuhkan.

"Mereka ini kemudiannya akan meneruskan rundingan itu dengan Portman Estates sehingga lah proses berkenaan selesai. Kita harap ia akan memberikan hasil yang positif," katanya.

Selain itu, usaha awal terbabit akan disusuli pula oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed yang dijangka datang ke sini bulan depan bagi menyelesaikan perkara itu.

Sumber berkenaan memberi tahu, jika belum dapat diselesaikan, usaha itu akan disusuli pula oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin yang juga dijadualkan datang ke sini pada sebulan kemudian.

Katanya, dengan pelbagai usaha dan ketetapan yang dibuat itu, isu tempoh lanjutan tempoh pajakan Malaysia Hall ini sudah memasuki satu lagi peringkat perkembangannya.

"Daripada fasa kenyataan politik, iaitu ketika pelbagai pihak mengulangi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia Hall perlu dikekalkan, ia kini sudah disusuli kesungguhan politik.

"Ini jelas kerana usaha ke arah itu kini sudah dimulakan dengan Kementerian Pendidikan diberi mandat menerajuiinya serta tempoh yang dikehendaki ditetapkan," katanya.

Lebih daripada itu, sumber berkenaan berkata, kesungguhan delegasi peringkat tertinggi daripada kementerian untuk datang ke sini bagi menyelesaikan isu itu juga jelas menggambarkan komitmen mereka.

Malaysia Hall, yang membabitkan tiga blok bangunan di Bryanston Square, menjadi tempat pertemuan semua warga Malaysia daripada pemimpin politik, tokoh korporat, pelancong dan pelajar setiap kali berada di sini.

(END)